

NO. SOALAN : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 27.10.2014

RUJUKAN : 7148

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) bilangan rakyat Malaysia yang terlibat dalam kegiatan militan di luar negara terutamanya dalam kumpulan pejuang Islamic State; dan
- (b) apakah pandangan Kerajaan dan tindakan yang akan diambil terhadap golongan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan sedar dan memandang serius akan penglibatan rakyat Malaysia di dalam kumpulan pejuang Islamic State (IS) . Mengikut statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sejak Disember 2001 sehingga kini, terkesan seramai 167 orang rakyat Malaysia terlibat dengan kegiatan militan di luar negara. Daripada jumlah ini, seramai 39 orang telah melibatkan diri dalam kumpulan Islamic State (IS) di Iraq dan Syria. Walaubagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci maklumat penglibatan mereka kerana dikhawatir akan mengganggu siasatan yang masih dijalankan oleh pihak polis.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan tidak pernah mengiktiraf mana-mana entiti, pertubuhan atau pakatan yang mempunyai elemen-elemen militan. Pada masa yang sama, mana-mana entiti yang bertapak di Malaysia perlu berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) berdasarkan syarat-syarat yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Kementerian juga melalui PDRM sedang menjalankan siasatan terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang disyaki boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Bahkan, sekiranya terdapat bukti bahawa mereka terlibat di dalam mana-mana aktiviti berbentuk militan, tindakan tegas terhadap mereka akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- langkah Khas) 2012 dan Akta

Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001.

Disamping itu, PDRM turut menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi perisikan asing untuk mengekang permasalahan ini. Usaha jalinan ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.

Pada Masa yang sama, Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia boleh menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-nama mereka ke dalam Senarai Syak Jabatan Imigresen (*Security List*) bagi mengesan pergerakan mereka di pintu-pintu masuk utama di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga sedang menyediakan Kertas Putih untuk memaklumkan kepada rakyat tentang ancaman kegiatan keganasan yang melibatkan rakyat Malaysia dalam masa yang terdekat ini.

Di sini juga saya ingin menyeru kepada semua pihak agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan yang telah dinikmati selama ini.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK WILLIAM @
NYALLAU
ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 27.10.2014

SOALAN : 11

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat mana tindakan diambil oleh Kementerian ke atas kontraktor yang telah gagal menyiapkan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar yang begitu lama tertangguh dan menyebabkan rakyat tidak berpuas hati terhadap kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bermula dari tahun 2010 sehingga 2014, sejumlah 22 kontrak Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) ditawarkan oleh Kementerian di negeri Sarawak dengan peruntukan berjumlah RM2,018 juta. Daripada jumlah berkenaan, hanya 6 projek sahaja berstatus lewat.

20%

Untuk makluman Yang Berhormat, kelewatan pelaksanaan projek disebabkan oleh beberapa perkara seperti masalah izin lalu untuk pemasangan tiang elektrik daripada pemilik ladang atau individu, kelemahan kontraktor merancang dan melaksanakan kerja serta kelemahan pihak perunding yang dilantik untuk menyelia projek di tapak bina.

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa tindakan telah diambil oleh Kementerian. Khusus bagi masalah izin lalu dan pengambilan balik tanah, sesi dialog bersama pemimpin politik tempatan, pemilik ladang dan penduduk kampung telah diadakan. Kementerian juga turut membawa isu yang berbangkit kepada Mesyuarat *Delivery Task Force* (DTF) di peringkat negeri Sarawak yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian mengakui terdapat kontraktor yang dilantik gagal untuk menyiapkan kerja dengan sempurna dan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan. Kementerian memandang serius akan perkara ini dan telah mengambil tindakan dengan mengenakan denda lewat (LAD) kepada kontraktor. Selain itu, pihak Kementerian juga telah mengambil tindakan dengan membentangkan projek-projek ini dalam Jawatankuasa Projek Sakit KKLW. Kontraktor-kontraktor yang gagal melaksanakan projek sebagaimana yang dipersetujui dalam dokumen kontrak telah ditamatkan dan kontraktor penyiap telah dilantik bagi memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan.

Bagi kelewatian pelaksanaan projek yang disebabkan oleh perunding projek yang kurang cekap pula, Kementerian telah memutuskan untuk tidak melantik syarikat yang sama untuk projek-projek akan datang.